

# Qalam

KDN 186

149, Rejab, 1382, Disember 1962, 60 sen

## Kenapa dibelakan kepada ulama

Terbit daripada murtadnya Ali Azizi dari agama Islam kepada agama Buddha yang dibesar-besarkan oleh akhbar Melayu bertulisan Jawi, maka timbullah pula perkara-perkara yang terbit daripadanya dengan meletakkan segala kesalahan itu kepada seluruh alim ulama. Alim ulamalah kyonnya yang bertanggungjawab atas kejadian itu.

Demikian juga terbitlah pula datang bidasan-bidasan dari angkatan muda menyalahkan tiap-tiap sesuatu kejadian yang berlaku sebagai kesalahan dan kecuaian alim ulama dan ahli-ahli agama bahkan disalahkan pula kesalahan-kesalahan akan kurangnya kitab-kitab pengetahuan agama yang boleh memandu umat Islam supaya kuat dan yakin kepada agamanya. Tuduhan-tuduhan didatangkan mereka dengan leluasa dan akhbar-akhbar tempatan meluaskan pula bidasan itu sedang kalau orang-orang yang memberi jawapan atau keterangan apa yang sebenarnya terjadi .... tidak pun mahu disiarkan mereka.

Akibat daripada perbuatan ini sangat besar. Jiwa pemuda-pemuda seolah-olah diracun bahawa alim ulama itu semuanya beku – tidak bekerja dan tidak berusaha di dalam mengembangkan syiar Islam. Perasaan benci kepada alim ulama di tanam supaya anak-anak kita menjauhkan diri daripadanya, dan supaya mereka tidak gemar kepada mereka

dengan pandangan bahawa mereka kolot - tidak dapat mengertikan dan memahamkan isi al-Qur'an kepada orang-orang yang baru belajar dua hari atau seumpamanya.

Dengan perbuatan seperti ini lama kelamaan pemuda-pemuda menjauhkan diri dari ajaran agama, dan mereka pun akan berpendapat bahawa apalah gunanya mempelajari sembahyang kerana kita tidak tahu makna apa yang dibaca. Seterusnya mereka tidak mahu membaca al-Qur'an kerana mereka memandang mereka hanya sebagai burung tiung yang tidak tahu apa erti yang dibaca olehnya.

Timbulnya perasaan ini, maka jauhlah anak-anak kita dari mengerjakan sembahyang - jauhlah mereka daripada mahu mempelajari al-Qur'an. Sudah barang tentu kalau pada mulanya tidak ada kecenderungan maka jangan diharap ia akan dapat mendalami lagi tentang ertiinya bersembahyang dan ertiinya kalimah-kalimah yang disebut di dalam al-Qur'an.

Adakah perkara kerana tidak mahu tahu dalam hal agama ini akan disalahkan kepada alim ulama. Pemuda-pemuda atau golongan yang suka mencaci alim ulama itu melupakan sama sekali bahawa kalaularah tidak dengan pengorbanan alim ulama dari dahulu hingga sekarang, barangkali, tidak ada lagi pemeluk-pemeluk Islam di negeri ini.

Ini lebih-lebih lagi kalau kita melihat pengorbanan alim ulama masa dahulu. Sesungguhnya kitab-kitab mereka dikatakan kolot dan bahasa "ke'araban" namun mereka telah pun membuat jasa besar. Jasa mereka berjihad untuk menyeru kepada umat dibuat mereka dengan dua jalan; (1) dengan mengajar, dan (2) dengan mengadakan kitab-kitab dengan kadar dan daya mereka.

Cubalah tunjukkan manakah ada kitab-kitab agama yang tebal-tebal di dalam hukum fiqah yang dibuat masa sekarang. Atau manakah kitab-kitab agama yang dibuat oleh orang-orang yang mencela

alim ulama itu. Manakah ada pengorbanan masyarakat dalam melaksanakan bersama tugas untuk mengembangkan Islam.

Alim ulama, cara tersusun atau tidak, telah pun berusaha mengajarkan ilmunya kepada tiap-tiap mereka yang mahu datang belajar - yang mahu dapat pimpinan. Apakah dengan kerana ada beberapa manusia yang murtad atau lebih banyak lagi, kerana tidak mahu datang belajar disalahkan kepada alim ulama.

Serangan yang semacam ini adalah serangan yang tidak siuman. Serangan yang semacam ini adalah suatu perbuatan meracun perasaan umat untuk membenci kepada alim ulama yang tidak bersalah itu. Salahkanlah diri sendiri dahulu kerana taqsir tidak belajar - bukan menyalahkan orang lain. Ketahuilah bahawa tanggungjawab keruntuhan agama Islam bukanlah semata-mata tanggungjawab alim ulama, tetapi tanggungjawab sekalian umat Islam sebab tiap-tiap umat Islam adalah ditugaskan untuk menjalankan dakwah dengan kadar dari upayanya.

\* \* \*

#### **Berhakkah memperundang-undangkan kahwin lebih dari satu?**

Perkara kahwin lebih dari satu, di Selangor dan di Singapura, telah diadakan undang-undang untuk menyekatnya yakni tiap-tiap seorang yang hendak kahwin lagi hendaklah terlebih dahulu disiasat kebolehan dan mustahaknya serta kebendaan yang bakal menyempurnakan sara hidup suami dan isterinya. Ringkasnya bahawa kahwin lebih dari satu itu diberi syarat-syarat yang mengenai kebendaan bagi pihak yang berkenaan dengan didasarkan bahawa penganiayaan tidak akan terjadi di dalam rumah tangga – dan perceraian akan berkurangan dengan sebab perselisihan di antara suami dan isterinya.

Adakah undang-undang seperti ini pernah dijalankan pada zaman Nabi, atau zaman khulafa' al-Rashidin atau pada zaman-zaman khalifah-khalifah Islam yang kemudiannya? Sepanjang yang kita ketahui, bahawa tidak pernah – yang demikian itu diperundang-undangkan.

Ini tentu ada sebab-sebabnya yang tertentu. Adakah berhak *ūlī al-'amr* membuat undang-undang di dalam perkara seperti ini?

Seseorang ulama yang terkemuka di Tanah Melayu telah menarik perhatian kita tentang bagaimana tujuan Islam tentang perkara kahwin lebih daripada satu.

Di dalam surah al-Nisa' ayat 3 Tuhan telah meluluskan (membenarkan) seseorang kahwin sehingga di dalam satu masa empat isteri. Tetapi sekiranya ia (orang itu) takut tidak berlaku adil, maka kahwinlah satu. (*fa'in khiftum allā t'adilū fawāḥidah*)

Kepada siapakah ditujukan ayat ini? Menurut ulama ayat ini ditujukan kepada perseorangan yakni ayat ini tidak ditujukan kepada *ūlī al-amr*. Kalau ditujukan kepada *ūlī al-amr*, maka bolehlah ia dijadikan undang-undang untuk mengadakan hukuman diatasnya.

Tetapi ayat ini umum – ditujukan kepada tiap-tiap orang perseorangan maka tanggungjawab perseorangan sahaja yang dikehendaki – tidak didatangkan hukuman keatasnya. (tidak diperundangkan).

Seseorang yang hendak beristeri lebih dari satu maka kepadanya sendiri menentukan adakah ia boleh melakukan 'keadilan seperti yang dituntut oleh syarak. Sekiranya dirasanya ia boleh berbuat demikian, maka bolehlah ia berkahwin dan sekiranya ia berasa tidak boleh membuat keadilan dan diketahuinya ia tidak dapat berlaku adil (mengikut syarak) maka haram baginya berkahwin.

Dengan sebab ayat ini ditujukan kepada umum maka tidak pernah *ūlī al-amr* (pemerintah) membuat hukuman atau